

TARIKH: 28/6/23  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 23

## 1,120 pekerja asing dibawa masuk tidak ada kerja

**Putrajaya:** Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan 1,120 pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini dari Januari hingga Mei lalu tidak mempunyai pekerjaan terutamanya warga Bangladesh.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata, langkah segera sudah dilakukan bagi mengesan ejen membawa masuk pekerja berkenaan selain turut menyenarai hitam majikan yang terbabit.

"Usaha kami ketika ini untuk membantu mereka mendapatkan majikan dan peluang kerja baharu. Ini tumpuan kita dahulu bagi memudah cara mereka yang sudah berada di sini.

"Kita juga tahu siapa ejen dan siapa majikan itu dan kebanyakan pekerja asing ini dibawa masuk bagi segmen kerja pembersihan dan pencucian, ini paling ramai dengan kebanyakannya dari Bangladesh," katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa bersama Mengenai Pengurusan Pekerja Asing ke-8 di sini, semalam.



Beliau berkata, biarpun kerajaan mempermudah pengambilan pekerja, masih ada pihak tak bertanggungjawab mengiklankan pekerjaan di media sosial.

"Di satu sisi, lima sektor ekonomi kritikal mengharapkan pekerja asing. Oleh itu kerajaan cuba mempermudah dari segi polisi.

"Di sisi lain, ada juga elemen tak bertanggungjawab pihak tertentu yang menguruskan kemasukan warga asing ini bertentangan dengan dasar kerajaan," katanya.

Tambah beliau, perkara itu dapat dikesan dengan



*Usaha kami ketika ini untuk membantu mereka mendapatkan majikan dan peluang kerja baharu. Ini tumpuan kita dahulu bagi memudah cara mereka yang sudah berada di sini"*

**Saifuddin Nasution Ismail**

cepat oleh Kementerian Sumber Manusia seterusnya dibincangkan dalam mesyuarat semalam.

"Perkara sebegini memberi kesan kepada kedudukan kita dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Perdagangan Orang.

"Malaysia berjaya dinaik taraf ke Tahap 2 Pemerhatian menerusi laporan terbaharu itu. Namun usaha mungkin perlu ditumpukan bagi meningkatkan tahap ke tier 2," katanya.